



SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK

BILANGAN 7 TAHUN 2023

GARIS PANDUAN PEMBANGUNAN *MASSIVE OPEN ONLINE COURSE (MOOC)* UPSI

Bahagian Hal Ehwal Akademik
11 April 2023

Disalinkan kepada:

Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Pendaftar
Pegawai-Pegawai Kanan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

11 April 2023

SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK BILANGAN 7 TAHUN 2023

GARIS PANDUAN PEMBANGUNAN *MASSIVE OPEN ONLINE COURSE (MOOC)* UPSI

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling Pengurusan Akademik ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua kakitangan dan pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris mengenai keputusan pihak Universiti atas kelulusan Senat Kali Ke-221 Bilangan 4/2023 yang bersidang pada 11 April 2023 telah bersetuju dengan pemakaian Garis Panduan Pembangunan *Massive Open Online Course (MOOC)* UPSI.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Bagi merealisasikan Lonjakan Ke-9 PPPM (PT), setiap IPT di Malaysia adalah dicadangkan untuk menawarkan *Massive Open Online Course (MOOC)*. MOOC dilihat dapat menyediakan sistem penyampaian kursus yang cekap, meningkatkan kecemerlangan IPT dalam bidang tujuan dan kepakaran dan seterusnya menjadikan Malaysia sebagai hub perdana pendidikan.

- 2.2 Pusat Pembangunan Akademik telah menyediakan satu Garis Panduan *Massive Open Online Course (MOOC)* sebagai panduan kepada semua pembangun bahan MOOC yang akan membangunkan kursus-kursus menggunakan platform mooc.upsi.edu.my.

3.0 KEPUTUSAN SENAT

Senat Universiti dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Universiti bersetuju memperaku dan meluluskan Garis Panduan Pembangunan *Massive Open Online Course (MOOC) UPSI* seperti di **Lampiran A**.

4.0 TARIKH KUASA

Surat Pekeliling ini mula berkuatkuasa pada 11 April 2023.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN”**



(PUAN SUHAILA SIDEK)
Ketua Timbalan Pendaftar
Bahagian Hal Ehwal Akademik
Tarikh: 11 April 2023

LAMPIRAN A

**Garis Panduan
Pembangunan
MOOC UPSI**

Garis Panduan Pembangunan
MOOC UPSI

Kandungan	ms
1.0 Pengenalan	2
1.1 MOOC Malaysia	3
1.2 Platform MOOC	3
1.3 Jenis Kursus	4
1.3.1 Kursus Umum	4
1.3.2 Kursus Tujuan (Nic)	5
1.3.3 Kursus Kemahiran (Pembelajaran Sepanjang Hayat)	5
1.4 Tempoh Kursus	6
1.5 Bahasa Penyampaian	7
2.0 Komponen Kandungan Kursus	9
2.1 Logo	9
2.2 Header	9
2.3 Senarai Kursus	10
2.4 Reka Bentuk Landing Page	10
2.4.1 Paparan Utama	10
2.4.2 Tajuk dan Pengenalan Kursus	12
2.4.3 Sinopsis Kursus	12
2.4.4 Rasional Kursus	12
2.4.5 Hasil Pembelajaran Kursus (CLO)	13
2.4.6 Tarikh Mula dan Tempoh Kursus	14
2.5 Penafian	14
2.6 Pengumuman	14
2.7 Nama Pengguna dan Kata Laluan	15
2.8 Silibus Kursus	15
2.9 Soalan-soalan Lazim (FAQ)	15
2.10 Maklumat dan Afiliasi Instruktor	16
2.12 Format Pengendalian Kursus	16

2.13 Pengetahuan Prasyarat	16
2.14 Kata Kunci	16
2.15 Komponen Kandungan Kursus	17
3.0 Amalan Pembangunan MOOC	20
3.1 Carta Alir Pembangunan	20
3.2 Reka Bentuk	22
3.3 Aspek Reka Bentuk Lain	23
3.4 Kurikulum Kursus	24
3.4.1 Pemetaan CLO/Kandungan/Aktiviti/Pentaksiran	24
3.5 Peranan Jawatankuasa teknikal MOOC UPSI	26
3.6 Pembangunan Bahan Kursus	27
3.7 Kandungan Dalam Bentuk Lain	31
3.8 Pembangunan Aktiviti	31
3.8.1 Perbincangan di Papan Forum	31
3.8.2 Wiki	32
3.8.3 Dokumen Kongsi Sama	32
3.8.4 Bahan Bacaan	32
3.9 Pentaksiran	32
3.9.1 Formatif dan Sumatif	32
3.9.2 Pentaksiran Rakan Sebaya	33
3.9.3 Jenis Pentaksiran	33
3.9.4 Pengredan dan Laporan	34
3.10 Jaminan Kualiti	34
3.10.1 Garis Masa (Timeline)	35
3.10.2 Uji Lari (Test Run)	35
3.12 Hak Cipta	36
3.13 Pengiktirafan (Persetaraan Pembangunan e-Kandungan dan Penerbitan)	36
4.0 Amalan Penyampaian	38
4.1 Pengumuman	38
4.2 Strategi Pelaksanaan Pengajaran	38

4.2.1 Pembelajaran Teradun	39
4.2.2 Dalam Talian Sepenuhnya	39
4.2.3 Strategi Pengajaran Lain	39
4.3 Kolaborasi Rakan Sekursus	40
4.4 Forum	40
4.5 Moderasi Forum	41
4.6 Penggredan	41
4.7 Pengumuman Pencapaian Penamatan Kursus	42
4.8 Penawaran Semula Kursus	42
4.9 Garis Panduan Pelajar	42
 5.0 Pemindahan Kredit	 44
5.1 Mekanisme I : Pemindahan Kredit Antara UA Malaysia	44
5.1.1 Jenis Kursus	44
5.1.2 Pelajar	44
5.1.3 Hasil Pembelajaran Kursus (CLO)	45
5.1.4 Reka Bentuk Kurikulum dan Penyampaian	45
5.1.5 Pentaksiran	45
5.1.6 Kelulusan Pemindahan Kredit	45
5.2 Mekanisme II :	46
Pemindahan Kredit Untuk MOOC Dari Platform Antarabangsa	
 6.0 Glosari	 48

Rajah 2.2 Header	9
Rajah 2.3 (c) Senarai Kursus	10
Rajah 2.4.1 Landing Page	11
Jadual 2.14 Komponen kandungan kursus	18
Rajah 3.1 Carta Alir Pembangunan MOOC UPSI	21
Jadual 3.4.1 Templat Reka Bentuk Instruksi	25
Jadual 3.6 Contoh Kombinasi Pelbagai Jenis Video	29
Jadual 3.10.1 Garis Masa Pembangunan	35

PENGENALAN

1.0 PENGENALAN

Agenda 2030 untuk Pembangunan Lestari yang diguna pakai oleh Negara-Negara Ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 2015 telah menyediakan satu pelan untuk keamanan dan kesejahteraan manusia dan bumi, sekarang dan masa akan datang. Terdapat 17 Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goal, SDG*) yang dilancarkan oleh UNESCO pada tahun 2015. Matlamat Pembangunan Lestari keempat iaitu pendidikan berkualiti yang menekankan kualiti pendidikan inklusif dan kesamarataan serta mempromosikan peluang pembelajaran sepanjang hayat untuk semua.

Sejajar dengan matlamat tersebut, Lonjakan ke-9 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) [PPPM (PT)] telah menggariskan pembelajaran atas talian ke tahap global yang bertujuan untuk meluaskan akses pendidikan, meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran, mengurangkan kos penyampaian dan menonjolkan IPT Malaysia di arena antarabangsa di samping memupuk pembelajaran sepanjang hayat khususnya dalam kalangan warga Malaysia.

Bagi merealisasikan Lonjakan Ke-9 PPPM (PT), setiap IPT di Malaysia adalah dicadangkan untuk menawarkan *Massive Open Online Course (MOOC)*. MOOC dilihat dapat menyediakan sistem penyampaian kursus yang cekap, meningkatkan kecemerlangan IPT dalam bidang tujuan dan kepakaran dan seterusnya menjadikan Malaysia sebagai hub perdana pendidikan.

Penawaran MOOC di UPSI telah bermula pada 2015 dengan tiga kursus iaitu Computer Architecture and Organization, Pembangunan Blog dan Laman Web, dan Kanak-kanak Berkeperluan Khas. Sehingga 2023, sebanyak 15 kursus yang telah ditawarkan dan didaftarkan dengan MOOC UPSI. Semenjak ditawarkan, MOOC di UPSI mendapat sambutan daripada pelajar dan orang awam sama ada dari dalam maupun luar negara. Oleh yang demikian, MOOC dilihat sangat berpotensi untuk diperluaskan dan ditambah baik.

Tujuan garis panduan ini adalah untuk dijadikan rujukan oleh setiap pembangun MOOC di UPSI. Dalam masa yang sama, garis panduan ini memberi maklumat tentang proses pembangunan dan penawaran bagi tujuan meningkatkan kualiti MOOC di UPSI.

1.1 MOOC Malaysia

MOOC Malaysia merupakan MOOC yang dibangunkan oleh setiap institusi pengajian tinggi di Malaysia dan Pusat e-Pembelajaran Malaysia (Malaysia Centre for e-Learning, MyCeL) bertindak sebagai urus setia untuk pengurusan pembangunan MOOC di IPT. Kursus yang dibangunkan terdiri daripada program akademik sedia ada dan kursus lain yang disesuaikan di bawah IPT masing-masing.

1.2 Platform MOOC

Terdapat beberapa platform bagi penawaran MOOC yang boleh digunakan. Di antaranya:

- i. Platform yang dibangunkan sendiri oleh institusi (UPSI).
- ii. Platform pihak ketiga seperti OpenLearning, Coursera, edX, Udemy dan lain-lain. Penggunaan platform pihak ketiga umumnya akan dikenakan caj yang tertentu.

Pemilihan platform MOOC UPSI ditentukan oleh pihak UPSI berdasarkan keperluan semasa termasuklah bagi tujuan keterlihatan dan juga penjenamaan.

1.3 Jenis Kursus

- i. Terdapat 3 jenis kursus yang boleh ditawarkan secara MOOC iaitu:
 - a. Kursus umum
 - b. Kursus tujahan (nic)
 - c. Kursus kemahiran (Pembelajaran sepanjang hayat)
- ii. Setiap pembangun MOOC boleh membangunkan dan menawarkan kursus dalam mana-mana kategori di atas.
- iii. Semua kursus yang ingin didaftarkan di bawah MOOC UPSI mesti mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Induk MOOC UPSI. Hanya kursus yang telah mendapat kelulusan Jawatankuasa Induk MOOC UPSI sahaja yang boleh menggunakan logo MOOC UPSI dan tertakluk kepada garis panduan ini.

1.3.1 Kursus Umum

- i. Kursus umum atau Matapelajaran Umum (MPU) ialah kursus sepunya yang ditawarkan di semua institusi pengajian tinggi di Malaysia. Antaranya, Keusahawanan, Hubungan Etnik, Kursus Falsafah dan Isu Semasa dan Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban.
- ii. Pembangunan kursus umum secara MOOC yang telah diputuskan oleh KPT seperti Kursus Falsafah dan Isu Semasa, dan Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban perlu diselaraskan oleh Jawatankuasa Kursus Umum dalam kalangan KPT dan pembangunan kandungan perlulah mendapat input daripada semua penyelaras IPT Malaysia serta dipersetujui bersama.
- iii. Penyampaian kursus umum ini dipertanggungjawabkan atau diterajui oleh sebuah IPT sahaja, iaitu IPT yang membangunkan kursus tersebut.

- iv. Pembangunan kursus umum selain yang telah diputuskan oleh KPT (selain daripada 1.3.1 perkara ii) adalah di bawah pemantauan Jawatankuasa Induk MOOC UPSI.
- v. Latihan untuk membangunkan MOOC diselia oleh Unit Media dan Teknologi Pendidikan, PPA dan pembangunan kursus ini dipantau oleh Jawatankuasa teknikal MOOC UPSI.

1.3.2 Kursus Tujuan (Nic)

- i. Kursus tujuan merujuk pada bidang tujuan UPSI yang tersenarai di Jabatan Pengajian Tinggi (JPT).
- ii. Kursus tujuan bagi UPSI ialah kursus-kursus yang meliputi program pengajian pendidikan guru dan pendidikan umum di samping program pengajian dalam pelbagai disiplin seperti fizik, kimia, biologi, matematik, sejarah, geografi, sains sukan, psikologi, ekonomi, perakaunan, usuludin, fiqh, IT, multimedia, muzik dan seni persembahan merangkumi aspek latihan dalam pendidikan, kejurulatihan, latihan korporat dan pendidikan sepanjang hayat.

1.3.3 Kursus Kemahiran (Pembelajaran sepanjang hayat)

- i. Kursus kemahiran ialah kursus yang dibangunkan bagi menyokong pembelajaran sepanjang hayat dan pembangunan profesional.
- ii. Contoh kursus kemahiran adalah seperti kursus Bahasa Arab, kursus pengurusan masa, kursus penulisan tesis dan lain-lain.

1.4 Tempoh Kursus

- i. Umumnya tempoh penawaran kursus bergantung kepada jenis kursus iaitu kursus yang bersifat akademik (umum dan tujuan) dan kemahiran (pembelajaran sepanjang hayat).
- ii. Bagi kursus umum dan tujuan pelaksanaan MOOC boleh ditawarkan secara pembelajaran teradun (*blended learning*) atau pembelajaran dalam talian (*online learning*). Dari keseluruhan 14 minggu sesi pembelajaran dan pengajaran (PdP), **pembelajaran teradun** merangkumi 30 – 79% (4 hingga 11 minggu) secara dalam talian. Manakala pelaksanaan pembelajaran yang melebihi daripada 80% secara dalam talian (melebihi 11 minggu) dianggap sebagai **pelaksanaan secara dalam talian sepenuhnya** (Rujukan: Garis Panduan MOOC oleh Jabatan Pengajian Tinggi dan MEIPTA).
- iii. Tempoh penglibatan atau jam pembelajaran pelajar (*Student Learning Time, SLT*) perlu dinyatakan di awal kursus.
- iv. Tarikh enrolmen bagi satu-satu kursus perlu diumumkan di laman pengenalan kursus

1.5 Bahasa Penyampaian

Bahasa penyampaian MOOC UPSI adalah Bahasa Inggeris atau Bahasa Melayu. Bagaimanapun bahasa lain boleh digunakan dengan tambahan sarikata Bahasa Inggeris.

KOMPONEN KANDUNGAN KURSUS

2.0 KOMPONEN KANDUNGAN KURSUS

Pembangunan MOOC UPSI memerlukan perancangan yang rapi. Reka bentuk dan pelaksanaan aktiviti yang dirancang merupakan antara faktor yang perlu dititikberatkan oleh pembangun.

MOOC UPSI membawa keterlihatan PPT ke peringkat global. Peserta yang mendaftar MOOC UPSI dianggap sebagai pelajar kursus MOOC. Pembangunan komponen kandungan kursus yang bersesuaian perlu dipertimbangkan oleh pembangun bagi memastikan pelajar melayari bahan pembelajaran, belajar dengan berkesan dan mencapai hasil pembelajaran kursus.

2.1 Logo

- i. Tiga (3) logo wajib iaitu logo KPT, logo UPSI dan logo MOOC UPSI diletakkan di *landing page* MOOC UPSI.

2.2 Header


- i. Mengandungi satu (1) logo wajib iaitu logo MOOC UPSI.
- ii. Mengandungi enam (6) ikon iaitu HOME, ABOUT, COURSES, CERTIFICATE, CONTACT US, ENGLISH(EN)
- iii. Contoh header ialah pada Rajah 2.2



Rajah 2.2 Header

2.3 Senarai Kursus

- i. Dibahagikan kepada beberapa kategori iaitu MOOC, MC, OER dan TLAS
- ii. Contoh senarai kursus adalah seperti Rajah 2.3



Rajah 2.3 Senarai Kursus


2.4 Reka Bentuk Landing Page

2.4.1 Paparan Utama

- i. Laman utama kursus perlu mengandungi maklumat kursus secara terperinci. Pro Forma kursus boleh mengandungi perkara-perkara seperti berikut:

- i. Tajuk dan Pengenalan Kursus
- ii. Sinopsis Kursus
- iii. Rasional Kursus

- iv. Hasil Pembelajaran Kursus (Course Learning Outcome, CLO)
- v. Tarikh Mula dan Tempoh Kursus
- ii. Contoh *Landing page* adalah seperti di Rajah 2.4.1



Rajah 2.4.1 Landing Page

2.4.2 Tajuk dan Pengenalan Kursus (dalam bentuk video).

Pembangunan video ini akan diselia oleh pihak PPA.

- i. Video pengenalan perlu disediakan bagi setiap kursus untuk memberi pengenalan dan maklumat ringkas mengenai kursus.
- ii. Video ini merupakan bahan promosi utama bagi kursus.
- iii. Durasi ideal video ini tidak melebihi 3 minit.
 - Durasi ID (10 saat)
 - Montaj kursus (20 saat)
 - Kandungan kursus (2 minit 30 saat)
- iv. Bahasa penyampaian adalah Bahasa Inggeris atau Bahasa Melayu. Bahasa lain boleh digunakan beserta sarikata Bahasa Inggeris.

2.4.3 Sinopsis Kursus

- i. Setiap kursus perlu memaparkan sinopsis asal.
- ii. Sinopsis mengandungi maklumat am mengenai kandungan kursus, format penyampaian dan hasil pembelajaran kursus yang akan diperoleh pelajar.

2.4.4 Rasional Kursus

- i. Setiap kursus perlu memberi nilai tambah kepada kursus yang ditawarkan.

2.4.5 Hasil Pembelajaran Kursus (Course Learning Outcome, CLO)

- i. *Landing page* perlu menyatakan CLO supaya pelajar maklum tentang aspek kognitif, psikomotor dan afektif yang bakal mereka peroleh.
- ii. CLO hendaklah dipaparkan di *landing page* kursus.
- iii. CLO yang telah sedia diluluskan di peringkat Senat UPSI atau institusi yang terlibat perlu dikekalkan dalam MOOC UPSI .
- vi. Contoh paparan sinopsis dan CLO adalah seperti di Rajah 2.4.5

The screenshot shows the 'Overview' section of a course on the UPSIMOOC platform. It includes:

- Course Description:** Describes the course as a 10-week learning journey to become a Data Analyst. It highlights the use of Microsoft Excel, Python, and R programming languages, along with machine learning concepts. It also mentions the integration of theory and practical application through assignments and projects.
- What you'll learn:** A list of learning objectives including:
 - Understand the basic concepts of data analysis and data science.
 - Perform basic data analysis using Microsoft Excel.
 - Apply basic concepts of data analysis using Python and R.
 - Understand the basic concepts of machine learning.
 - Perform basic data analysis using Python and R.
 - Understand the basic concepts of machine learning.
- Applikasi yang Akan Kamipercayai:** A list of applications including:
 - Data Analyst
 - Data Science
 - Data Mining
 - Data Visualization
 - Machine Learning
 - Big Data
 - Cloud Computing

Rajah 2.4.5 Sinopsis dan CLO

2.4.6 Tarikh Mula dan Tempoh Kursus

- i. Tarikh mula, tarikh akhir dan juga tempoh kursus, boleh dinyatakan mengikut keperluan kursus.
- ii. Bagi MOOC UPSI yang ditawarkan mengikut semester, pelajar perlu terlibat dalam proses PdP mengikut tarikh yang telah ditetapkan. Tarikh utama seperti tarikh akhir penghantaran tugas dan tarikh pelaksanaan pentaksiran sumatif perlu dinyatakan.

2.5 Penafian

- i. Kenyataan penafian perlu diletakkan untuk mengelakkan sebarang pertikaian.

2.6 Pengumuman

- i. Setiap kursus perlu menyediakan ruang pengumuman.
- ii. Ruang ini perlu untuk memaklumkan kepada pelajar yang berdaftar dalam kursus tentang aktiviti yang telah selesai dan merumuskan perkara yang telah dipelajari pelajar.
- iii. Ruang ini digunakan untuk memaklumkan kepada pelajar tentang topik pembelajaran untuk minggu berikutnya.
- iv. Ruang ini juga boleh digunakan untuk mengingatkan pelajar tentang aktiviti-aktiviti utama seperti penghantaran tugas, pentaksiran sumatif yang perlu diselesaikan pada tarikh yang telah ditetapkan.

2.7 Nama Pengguna (Username) dan Kata Laluan

- i. Nama pengguna (username) dan kata laluan akan dijana oleh pelajar.
- ii. Nama pengguna dan kata laluan ini adalah unik kepada pelajar dan tidak boleh ditukar milik.
- iii. Hanya pelajar yang mempunyai nama pengguna dan kata laluan yang unik ini sahaja mempunyai akses kepada kursus.
- iv. Pemilihan username dan emel perlulah menggunakan nama yang sesuai.

2.8 Silibus Kursus

Silibus kursus memberi maklumat terperinci mengenai semua topik yang hendak disampaikan.

2.9 Soalan-soalan Lazim (FAQ)

- i. FAQ ialah senarai soalan lazim yang berkaitan dengan pelaksanaan proses pembelajaran pelajar.
- ii. Sebagai contoh, soalan lazim ini berkaitan dengan format kursus, kaedah penyampaian, proses penggredan dan lain-lain.
- iii. Soalan boleh ditambah mengikut keperluan semasa.

2.10 Maklumat & Afiliasi Instruktur

- i. Maklumat utama merangkumi nama, gambar, kelulusan akademik dan bidang pengkhususan perlu dinyatakan.
- ii. Maklumat tambahan merangkumi pengalaman mengajar, bidang kepakaran, pengalaman industri, penyelidikan dan pembangunan boleh juga disertakan.
- iii. Maklumat tambahan, lain juga boleh dinyatakan seperti maklumat di media sosial (Facebook, Instagram dan lain-lain).

2.11 Format Pengendalian Kursus

- i. Format pengendalian kursus adalah tertakluk kepada keperluan kursus seperti mana yang tercatat dalam Pro Forma atau silibus.
- ii. Pengendalian kursus terdiri daripada format daripada video, audio, motion graphic, multimedia interaktif, permainan digital dan lain-lain.

2.12 Pengetahuan Prasyarat

- i. Pengetahuan prasyarat kursus perlu dinyatakan dengan jelas.
- ii. Pengetahuan prasyarat perlu dinyatakan sekiranya ada atau tiada. Jika ada, nyatakan kursus prasyarat tersebut.

2.13 Kata kunci

Setiap kursus perlu menyediakan beberapa kata kunci berkaitan kursus untuk memudahkan rujukan dan carian.

2.14 Komponen Kandungan Kursus (*Content Page*)

Komponen kandungan kursus untuk setiap topik perlu mengikut maklumat di dalam Pro Forma atau silibus. Komponen kandungan ialah seperti pada Jadual 2.14.

Jadual 2.14 Komponen Kandungan Kursus

Butiran Penerangan	Butiran Penerangan
Subtopik	Komponen yang membentuk topik utama/topik/subtopik/objek pembelajaran.
Hasil Pembelajaran Kursus (Course Learning Outcome, CLO)	Pernyataan yang membolehkan pelajar mencerap hasil pembelajaran yang diperolehi daripada aktiviti pembelajaran.
Bahan Pembelajaran	Bahan yang digunakan oleh pelajar untuk meningkatkan aspek kognitif, psikomotor dan afektif.
Aktiviti Pembelajaran	Aktiviti pembelajaran ialah aktiviti yang dijalankan oleh pelajar bagi memperkuuh aspek kognitif, psikomotor dan afektif.
Pentaksiran	Pentaksiran ialah proses menilai pencapaian pelajar berdasarkan CLO.
Bahan Rujukan Tambahan	Bahan rujukan tambahan ialah bacaan sampingan yang perlu digunakan oleh pelajar untuk memperoleh pengetahuan tambahan dalam perspektif yang berbeza. Bahan-bahan ini boleh ditawarkan dalam pelbagai format seperti video, ppt, doc, pdf, html dan lain-lain.

AMALAN PEMBANGUNAN MOOC


3.0 AMALAN PEMBANGUNAN MOOC

Pembangunan MOOC UPSI perlu berdasarkan reka bentuk yang ditetapkan. Pembangunan melibatkan kurikulum kursus, bahan kursus, bahan aktiviti, pentaksiran kursus, jaminan kualiti dan hak cipta. Terdapat beberapa amalan yang perlu diberi perhatian dalam proses pembangunan MOOC UPSI. Ini adalah untuk memastikan bahawa MOOC UPSI yang dibangunkan mematuhi kriteria dan garis panduan kualiti yang telah ditetapkan.

3.1 Carta Alir Pembangunan

- i. Setiap pembangunan MOOC UPSI perlu mengikuti urutan tertentu.

Lazimnya, urutan pembangunan MOOC UPSI mengikut carta alir seperti Rajah 3.1 Carta Alir Pembangunan MOOC UPSI.



Rajah 3.1 Carta Alir Pembangunan MOOC UPSI

3.2 Reka Bentuk

- i. Pembangunan MOOC UPSI perlu mengikuti prinsip pengajaran yang sering digunakan seperti 9 Langkah Pengajaran Gagne (1965) seperti berikut:
 - a. Menarik perhatian (*Gain attention*);
 - b. Memaklumkan objektif kepada pelajar (*Inform learners of objectives*);
 - c. Mengingat semula pembelajaran yang lalu (*Stimulate recall of prior learning*);
 - d. Mempersembahkan kandungan (*Present the content*);
 - e. Menyediakan bimbingan pembelajaran (*Provide 'learning guidance'*);
 - f. Memperlihatkan prestasi/amalan (*Elicit performance/ (practice)*);
 - g. Memberikan maklum balas (*Provide feedback*);
 - h. Mentaksir prestasi (*Assess performance*); dan
 - i. Meningkatkan ingatan dan memindahkan pengetahuan kepada amalan (*Enhance retention and transfer to the job*).
- ii. Untuk satu-satu topik, aliran pengajaran perlu mengikuti 9 Langkah Pengajaran Gagne (1965) seperti di atas. Walaubagaimanapun, sesetengah langkah boleh dikecualikan mengikut kesesuaian.
- iii. Setiap pengajaran boleh menggunakan pelbagai atribut media.

3.3. Aspek reka bentuk lain

Antara aspek reka bentuk lain yang perlu diikuti adalah seperti berikut:

- i. Mengenal pasti hasil pembelajaran (kognitif, psikomotor dan afektif).
- ii. Menyediakan tugas dan aktiviti secara berturutan dalam mencapai tahap kognitif, psikomotor dan afektif yang diharapkan.
- iii. Memastikan aktiviti pentaksiran sejajar dengan hasil pembelajaran.
- iv. Membuat persempahan bahan pembelajaran yang menyokong kepada pembelajaran aktif.
- v. Membina pengetahuan berdasarkan kepada kemahiran berfikir aras tinggi dengan memasukkan unsur aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian.
- vi. Memastikan keseimbangan antara kehadiran pentadbir kursus, interaksi rakan sebaya dan juga cabaran kognitif.
- vii. Menjajarkan aktiviti kepada hasil pembelajaran untuk setiap topik termasuklah tahap kognitif, psikomotor dan afektif.
- viii. Memastikan Unit Pengenalan membolehkan pelajar mengetahui tentang jangkaan hasil pembelajaran untuk setiap topik.
- ix. Menyediakan pemetaan untuk aktiviti mingguan kepada pelajar.

3.4 Kurikulum Kursus

Aspek utama pembangunan kurikulum kursus melibatkan pemetaan Hasil Pembelajaran Kursus (*Course Learning Outcome*, CLO) dengan kandungan, aktiviti pembelajaran dan pentaksiran. Pemetaan ini membolehkan kesemua kandungan, aktiviti pembelajaran dan pentaksiran yang disediakan dijajar dengan CLO. Penajaran yang baik membolehkan pelajar memperoleh CLO yang diharapkan.

3.4.1 Pemetaan CLO/Kandungan/Aktiviti/Pentaksiran

Course Learning Outcome (CLO)

- i. Setiap kursus perlu mempunyai CLO.
- ii. Bagi satu kursus, ia boleh mengandungi antara 2 hingga 5 CLO bergantung kepada bilangan jam kredit dan sifat kursus.

Pengiraan Tempoh Pelaksanaan kursus MOOC UPSI

- i. Tempoh pelaksanaan sesuatu kursus MOOC UPSI bergantung pada jumlah CLOnya.
- ii. Sesuatu kursus MOOC UPSI mempunyai minimum 2 CLO dan maksimum 5 CLO.

Pemetaan dan Penajaran Konstruktif

- i. Setiap topik perlu dijajar dengan CLO.
- ii. Setiap topik perlu mengandungi kandungan, aktiviti pembelajaran dan pentaksiran.
- iii. Jadual 3.4.1 menunjukkan templat reka bentuk instruksi dan penajaran antara CLO, topik, kandungan, aktiviti pembelajaran dan pentaksiran.
- iv. Setiap *Subject Matter Expert* (SME) dan Pembangun MOOC diminta untuk mengisi borang matriks pemetaan.

Jadual 3.4.1 Templat Reka Bentuk Instruksi

Contoh Reka bentuk Instruksi untuk CLO 1		
Hasil Pembelajaran Kursus		
(Contohnya tahap kognitif: • Penilaian ...)		
Kandungan	Aktiviti	Pentaksiran
Video 1.1 Video 1.2 Video 2.1 Video 2.2 Video 2.3 Further Readings	Discussion (Forum Board) Homework Assignments Observation Reflective Journal Wiki Personal Research	Multiple Choice Quiz Interactive Quizzes Peer Assignments

Contoh Reka bentuk Instruksi untuk CLO 2

Hasil Pembelajaran Kursus

(Contohnya psikomotor:

- Mengorganisasi...)

Kandungan	Aktiviti	Pentaksiran
Video 3.1	Discussion (Forum Board)	Practical Test
Video 3.2	Practical	
Video 4.1		
Video 4.2	Assignments Observation Personal Research	Peer Assignments Portfolio

3.5 Peranan Jawatankuasa Teknikal MOOC UPSI

- i. Satu jawatankuasa teknikal MOOC UPSI diwujudkan diperingkat PPA yang terdiri daripada pelbagai kepakaran seperti SME, penerbit rancangan, pereka grafik, krew rakaman video, penyunting, pereka bentuk, pembangun sistem dan lain-lain.
- ii. Ketua jawatankuasa teknikal MOOC UPSI perlu memberi taklimat sebelum bermulanya proses pembangunan supaya setiap ahli kumpulan mengetahui peranan dan tugas yang perlu dilaksanakan.
- iii. Sekiranya perlu, latihan hendaklah diberikan kepada ahli kumpulan supaya mereka mempunyai kemahiran yang bersesuaian.
- iv. Ketua jawatankuasa teknikal MOOC UPSI perlu mengadakan mesyuarat secara berkala untuk memastikan semua aktiviti pembangunan berjalan dengan lancar dan mengikut garis masa (*timeline*) yang telah ditetapkan.

- v. Ketua jawatankuasa teknikal MOOC UPSI juga perlu memastikan semua kos pembangunan yang terlibat mematuhi prosedur kewangan yang telah ditetapkan oleh bendahari UPSI.
- vi. Senarai ahli jawatankuasa teknikal MOOC UPSI dan peranan mereka yang dilantik adalah berdasarkan keperluan semasa.

3.6 Pembangunan Bahan Kursus

Bahan kursus utama bagi MOOC UPSI ialah video. Walau bagaimanapun, bahan-bahan lain seperti podcast, wiki, kandungan berinteraktif dan lain-lain juga boleh digunakan sebagai bahan sokongan kepada bahan utama ini.

a) Video

Video merupakan bahan pembelajaran utama dalam MOOC UPSI (70%). Video boleh dikategorikan kepada dua kelompok:

- i. Video asli/pembangunan sendiri.
- ii. Video guna semula/pautan daripada video sedia ada.

Video asli yang dihasilkan dan dibangunkan sendiri boleh terdiri daripada pelbagai jenis antaranya seperti berikut:

- i. Rakaman pengajaran dalam bilik darjah/kuliah.
- ii. Temubual dengan pakar.
- iii. Kerja lapangan.
- iv. Animasi atau infografik untuk konsep-konsep yang kompleks.
- v. Persembahan slaid dengan video dan narasi penyampai.

b) Kandungan video

- i. Kandungan video perlu dijajarkan kepada CLO.
- ii. Kandungan perlu mempunyai kombinasi pelbagai video yang terdiri daripada penyampaian oleh pakar, temu bual, main peranan, kerja lapangan, perbincangan, demonstrasi, gamifikasi dan lain-lain.
- iii. Kandungan video mengandungi hanya bahan-bahan penting pengajaran sahaja.
- iv. Contoh jenis kandungan video untuk sesuatu topik (merujuk kepada MOOC: Design & Development Process Guidelines, University of Toronto, 2013) seperti yang ditunjukkan di Jadual 3.6.

Jadual 3.6 Contoh Kombinasi Pelbagai Jenis Video

Pengenalan kepada tema/topik (rakaman video penyampai)	PPT dengan narasi + anotasi	Rakaman Lapangan	Pautan ke Platform Video dalam talian (seperti YouTube)	Temubual	Rumusan
Bertujuan untuk menarik perhatian. Memberikan sedikit pengetahuan latar belakang. Menaikkan minat pelajar. Memperkenalkan objektif pembelajaran.	Kandungan yang menyeluruh boleh disampaikan dalam bentuk ini. Anotasi juga boleh dimasukkan. Klip video untuk memperkuahkan lagi kandungan yang perlu disampaikan juga boleh dimasukkan.	Penyampaian dalam konteks yang berbeza di lapangan.	Pautan ke sumber video lain seperti YouTube, Vimeo dan lain-lain.	Rakaman temubual dengan seseorang yang berpengaruh dalam topik yang dibincangkan.	Tenaga Pengajar merumus kandungan dan membuat persediaan untuk ke bahagian yang seterusnya.

c) Durasi video

- i. Kandungan video perlu dipecahkan kepada segmen-segmen kecil untuk menarik minat pelajar dan memudahkan mereka mengulang dan melihat kembali kandungan tersebut.
- ii. Durasi video yang dibangunkan hendaklah sekitar 5 – 7 minit atau mana-mana tempoh yang bersesuaian dengan aktiviti yang dijalankan.

- iii. Penentuan SLT bagi 5 – 7 minit durasi video adalah bersamaan dengan satu jam pertemuan bersemuka dan penglibatan (persedian, aktiviti, penilaian) pelajar bagi tujuan ini bersamaan dengan 3 jam SLT.

d) Turutan penghasilan video

Contoh turutan penghasilan video adalah seperti berikut:

- i. Rakam video menggunakan pelbagai alat rakaman (berasaskan studio, studio mudah alih seperti i-Studio), berasaskan kuliah menggunakan krew rakaman, *self-recorded video* seperti Screenflow, Camtasia, Swivl, Screencast O-matic dan lain-lain.
- ii. Letakkan raw video ini ke dalam *shared folder* untuk dikongsi bersama.
- iii. Edit video untuk memasukkan tajuk, muzik atau transisi. Buang semua unsur yang tidak diperlukan seperti bunyi yang tidak dikehendaki seperti 'ums', batuk dan lain-lain.
- iv. Masukkan transisi antara segmen (jika perlu).
- v. Masukkan sarikata (jika perlu).

3.7 Kandungan Dalam Bentuk Lain

- i. Selain daripada video, digalakkan agar kandungan dibangunkan menggunakan pelbagai bentuk (30%) seperti:
 - a. *Podcast*
 - b. *Powerpoint/Keynote Presentation*
 - c. *Interactive Content*
 - d. *Wiki/Blog*
 - e. *Web 2.0 Applications*
 - f. Bahan bacaan tambahan (ppt, doc, pdf, html)
 - g. Permainan digital

- ii. Kepelbagai bentuk kandungan ini boleh meningkatkan minat pelajar untuk mengikuti PdP.

3.8 Pembangunan Aktiviti

3.8.1 Perbincangan di Papan Forum

- i. Setiap topik perlu menyediakan ruang perbincangan. Ini untuk membolehkan SLT pelajar untuk kursus tersebut dicapai.
- ii. Lazimnya, perbincangan boleh dipecahkan kepada sub-perbincangan dengan menggunakan papan forum yang berbeza-beza dengan ahli-ahli dalam kumpulan kecil untuk membincangkan topik.
- iii. Untuk itu, kumpulan kecil perlu diwujudkan untuk tujuan perbincangan.

3.8.2 Wiki

- i. Setiap topik boleh menggunakan alat wiki untuk menghasilkan kerja/tugasan untuk satu-satu kumpulan.

3.8.3 Dokumen Kongsi Sama

- i. Untuk tujuan kerja kumpulan/tugasan, dokumen kongsi sama seperti google doc juga boleh digunakan.

3.8.4 Bahan Bacaan

- i. Setiap topik perlu mempunyai bahan bacaan tambahan.
- ii. Bahan bacaan tambahan ini boleh dikaitkan dengan aktiviti pembelajaran yang disediakan dalam kandungan dan pentaksiran. Ini untuk memastikan pelajar membaca bahan bacaan tambahan yang disediakan.
- iii. Bahan bacaan tambahan perlu dipilih dengan teliti supaya ia boleh memberikan pelajar perspektif yang berbeza terhadap topik yang dibincangkan.

3.9 Pentaksiran

3.9.1 Formatif dan Sumatif

- i. Lazimnya setiap topik perlu mempunyai beberapa pentaksiran formatif dan satu sumatif di akhir topik.
- ii. Pentaksiran formatif adalah sebarang bentuk pentaksiran yang bertujuan untuk menambah pengetahuan dan kemahiran pelajar melalui pelbagai aktiviti seperti *deep learning*, pemikiran kritis, refleksi dan lain-lain.
- iii. Pentaksiran sumatif pula bertujuan untuk mengukur pencapaian dan prestasi pelajar untuk sesuatu topik pembelajaran yang diajarkan dengan CLO.
- iv. Pentaksiran formatif dan sumatif perlu diajarkan dengan aktiviti pembelajaran dan kaedah pengajaran yang digunakan.
- v. Bentuk pentaksiran formatif dan sumatif (tugasan dan lain-lain) yang dibangunkan perlu sesuai dengan bilangan pelajar yang ramai.

3.9.2 Pentaksiran rakan sebaya

- i. Apabila MOOC UPSI telah sedia untuk diakreditasi, pentaksiran dalam bentuk tugasan perlu disediakan.
- ii. Penilaian tugasan ini boleh dilakukan dalam bentuk pentaksiran rakan sebaya (*peer assessment*).
- iii. Rubrik pemarkahan yang telah disediakan perlu dijajar dengan CLO dan disahkan melalui kesahan konstruk untuk menilai hasil kerja pelajar.
- iv. Di samping tugasan, pentaksiran rakan sebaya juga boleh digunakan untuk persembahan dan kerja berkumpulan.

3.9.3 Jenis Pentaksiran

- i. Terdapat pelbagai jenis pentaksiran yang boleh digunakan, contohnya:
 - MCQ
 - Tugasan dalam talian
 - Karangan
 - Portfolio
 - Tahap penglibatan dalam forum
 - Permainan Digital
- ii. Pentaksiran perlu dijajarkan dengan CLO.
- iii. Pentaksiran sumatif boleh dilaksanakan dengan maklum balas dan skor pencapaian dan dilakukan sendiri oleh pelajar apabila selesai mengikuti sesuatu topik pembelajaran.
- iv. Untuk soalan berjenis MCQ lazimnya minimum 10 soalan perlu disediakan untuk pentaksiran sumatif bagi sesuatu topik, boleh dicuba beberapa kali untuk memastikan mereka memperoleh pengukuhan kemahiran pembelajaran dan mempunyai maklum balas untuk membolehkan pelajar mengetahui kesilapan mereka.
- v. MCQ dalam video boleh juga digunakan untuk pengukuhan. Bagaimanapun, pastikan pelajar boleh meneruskan video walaupun jawapan yang diberi tidak tepat.

3.9.4 Penggredan dan Laporan

- i. Penggredan sesuatu kursus perlu dilaksanakan untuk membolehkan pelajar mengetahui tahap pencapaian mereka.
- ii. Setiap penggredan perlu dilaksanakan dengan telus supaya pelajar mengetahui bagaimana mereka memperolehi sesuatu gred.
- iii. Gred yang diperolehi pelajar perlu dimaklumkan kepada mereka.

- iv. Lazimnya hanya kursus umum dan tuahan sahaja yang terlibat dengan penggredan dan laporan.

3.10 Jaminan Kualiti

- i. Kualiti setiap kursus merupakan tanggungjawab pembangun MOOC, dipantau oleh jawatankuasa teknikal MOOC UPSI dan disahkan oleh Jawatankuasa e-Pembelajaran UPSI.

3.10.1 Garis Masa (*Timeline*)

- i. Lazimnya, tempoh pembangunan sesuatu MOOC mengambil masa lebih kurang 12 bulan.
- ii. Garis masa merangkumi pelbagai aktiviti pembangunan. Tempoh masa pembangunan yang lazim adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.10.1

Jadual 3.10.1 Garis Masa Pembangunan

Bil	Aktiviti	Tempoh Masa (bulan)
1	Analisis Keperluan: - Kenal pasti topic/objektif kursus/silibus/PLO/prasyarat/format kursus - Penyediaan bahan pembelajaran (chunking ke dalam tajuk-tajuk tertentu)	2 bulan
2	Skrip dan Storyboard	1 bulan
3	Pembangunan video & bahan pembelajaran	3 bulan
4	Penyuntingan video & bahan pembelajaran	2 bulan
5	Pembangunan aktiviti, pentaksiran dan penilaian	2.5 bulan
6	Muat naik bahan ke dalam platform	0.5 bulan
7	Uji lari	0.5 bulan
8	Penambahbaikan	0.5 bulan
9	Penawaran/Pelancaran	
	Jumlah	12 bulan

3.10.2 Uji Lari (*Test Run*)

- i. Apabila kursus MOOC telah dimuat naik, uji lari perlu dilaksanakan untuk memastikan bahawa tiada sebarang kelemahan apabila MOOC UPSI tersebut ditawarkan.
- ii. Semasa uji lari dijalankan, senarai semak yang bersesuaian perlu dibangunkan untuk mengenal pasti kelemahan dalam penawaran kursus MOOC UPSI.
- iii. Sebarang kelemahan yang diperolehi daripada uji lari perlu diperbaiki.

3.11 Hak cipta

- i. Isu hak cipta selalunya berbangkit dalam dua konteks:
 - a. Kebenaran untuk menggunakan bahan sedia ada (video, gambar, ppt, teks dan lain-lain).
 - b. Hak milik bahan asli yang dibangunkan.
- ii. Setiap kandungan yang digunakan dan mempunyai hak cipta perlu mematuhi garis panduan hak cipta.

3.12 Pengiktirafan (Penyetaraan Pembangunan e-Kandungan dan Penerbitan)

- i. Pembangunan e-kandungan untuk MOOC UPSI boleh dipertimbangkan untuk diiktiraf supaya setara dengan penerbitan untuk tujuan kenaikan pangkat kakitangan akademik.
- ii. Persetaraan kursus yang dibangunkan secara MOOC oleh pensyarah tertakluk kepada kelulusan Senat UPSI.

AMALAN PENYAMPAIAN

4.0 AMALAN PENYAMPAIAN

Penggunaan kandungan MOOC UPSI yang telah dibangunkan dalam sesuatu kursus memerlukan pendekatan kaedah penyampaian yang sesuai yang meliputi Pengumuman Penawaran Kursus, Strategi Pengajaran, Kolaborasi Bersama Rakan Sekursus, Pewujudan Komuniti Pelajar, Pengumuman Pencapaian Kursus, Penawaran Semula Kursus dan Garis Panduan Pelajar.

4.1 Pengumuman

- i. Pengumuman adalah saluran komunikasi yang penting antara tenaga pengajar dengan pelajar.
- ii. Pengumuman yang pertama lazimnya mengalu-alukan pelajar ke kursus dan memberi arahan bagaimana untuk mengikuti kursus ini dengan jayanya.
- iii. Pengumuman perlu dibuat untuk memaklumkan kepada pelajar tentang bermulanya topik baru dan mengulas semula apa yang dipelajari dalam topik sebelum ini.
- iv. Pengumuman juga digunakan untuk memaklumkan tarikh tamat penghantaran tugas dan mengemas kini maklumat kursus mengikut keperluan.

4.2 Strategi Pelaksanaan Pengajaran

- i. Terdapat tiga kategori kursus MOOC UPSI yang dibangunkan iaitu :
 - a) Kursus Umum
 - b) Kursus Tujahan (Nic)
 - c) Kursus Kemahiran (Pembelajaran sepanjang hayat)
- ii. Pelbagai strategi PdP boleh dilaksanakan berdasarkan kepada tiga (3) kategori kursus tersebut. Antara strategi pengajaran yang menggunakan MOOC UPSI adalah seperti berikut:

4.2.1 Pembelajaran Teradun

- i. Pembelajaran teradun boleh digunakan sebagai bahan pembelajaran mengikut kreativiti tenaga pengajar dan keperluan UPSI.
- ii. Pembelajaran teradun menggabungkan penyampaian dalam talian dengan penyampaian tradisional bersemuka.
- iii. Dokumen Dasar e-Pembelajaran Negara (DePAN) terbitan Jabatan Pengajian Tinggi dan MEIPTA juga boleh dirujuk dan diguna pakai untuk membantu tenaga pengajar melaksanakan pembelajaran teradun masing-masing.

4.2.2 Dalam Talian Sepenuhnya

- i. Tenaga pengajar perlu mengambil kira bahawa terdapat juga pelajar antarabangsa yang berlainan keperluan mengikuti kursus ini dan aktiviti pembelajaran perlu mengambil kira latar belakang yang berbeza.
- ii. Dalam strategi ini, konsep pembelajaran kendiri dan fleksibel boleh diaplikasikan.
- iii. Tenaga pengajar perlu memantau dan mengingatkan kepada pelajar melalui Pengumuman mengenai aktiviti dan tugas yang perlu diselesaikan.
- iv. Tenaga pengajar perlu mengingatkan pelajar supaya peka dengan kandungan MOOC yang telah dimuat naik dan melaksanakan kesemua aktiviti dan tugas seperti yang diarahkan.

4.2.3 Strategi Pengajaran Lain

Kandungan MOOC UPSI boleh juga digunakan bersama strategi PdP lain seperti *Flipped Learning*, Pembelajaran Berasaskan Projek, Pembelajaran Berasaskan Bukti, Pembelajaran Berasaskan Masalah, Pembelajaran Berasaskan Permainan dan Pembelajaran Kooperatif bergantung kepada kreativiti seseorang tenaga pengajar.

4.3 Kolaborasi Rakan Sekursus

- i. Moderator perlu memainkan peranan untuk mewujudkan komuniti pelajar dalam MOOC masing-masing di mana pelajar perlu berhubung secara berkesan dengan pelajar lain serta tenaga pengajar dan juga mengakses bahan pembelajaran secara aktif.

- ii. Kolaborasi rakan sekursus perlu dimulakan oleh moderator dan seterusnya moderator perlu memainkan peranan untuk melibatkan seramai pelajar yang mungkin dalam kolaborasi tersebut.
- iii. Untuk memulakan perbincangan, moderator boleh, sebagai contoh, mengambil bahan pembelajaran tambahan dan memaparkannya di papan forum. Seterusnya moderator boleh memulakan perbincangan dan meminta penglibatan daripada pelajar lain.
- iv. Di samping itu, kolaborasi rakan sekursus juga boleh dimulakan menerusi case study, permasalahan dan soalan yang berkait dengan hasil pembelajaran untuk membolehkan rakan sekursus berkongsi idea, pendapat dan berbincang serta berbahas.
- v. Moderator perlu memberi komen kepada posting pelajar terlebih dahulu sebelum rantaian dan kedalaman kolaborasi rakan sekursus boleh berlaku.
- vi. Moderator perlu menggalakkan pelajar untuk berkongsi pengalaman mereka dan berkongsi bahan pembelajaran selain daripada bahan yang telah diberikan.

4.4 Forum

- i. Forum adalah satu platform yang boleh digunakan untuk mewujudkan komuniti pelajar di peringkat global.
- ii. Peranan moderator adalah penting untuk mengurus forum dengan melaksanakan moderasi yang bersesuaian supaya komuniti pelajar yang aktif dapat diwujudkan.
- iii. Untuk mewujudkan komuniti pelajar yang aktif, kolaborasi atau perbincangan perlu distruktur dengan baik agar masa perbincangan pelajar dan juga moderator dapat dioptimumkan.
- iv. Komuniti pelajar adalah penting kerana kebanyakan proses PdP berlaku dalam komuniti ini dan dalam masa yang sama, mewujudkan hubungan dalam kalangan pelajar dan hubungan pelajar dengan pensyarah.

4.5 Moderasi Forum

- i. Tenaga pengajar atau Moderator kursus perlu menyedari bahawa proses moderasi forum adalah tugas yang amat penting.

- ii. Forum boleh dipecahkan kepada sub-forum untuk membolehkan forum diurus dengan baik dengan topik tersendiri.
- iii. Moderator forum perlu memperkenalkan diri masing-masing.
- iv. Bantuan tambahan adalah perlu untuk melaksanakan moderasi forum. Bantuan lazimnya boleh diperolehi daripada pelajar siswazah, pembantu penyelidik dan lain-lain.
- v. Pengumuman berkala perlu dilakukan untuk menggalakkan pelajar melibatkan diri dalam perbincangan sesuatu topik utama di dalam papan forum.
- vi. Moderator perlu memoderasi forum dengan sebaik mungkin. Pelajar tidak membaca semua *posting* tetapi yang lebih penting adalah untuk memberikan maklum balas yang memuaskan. Maklum balas diberi supaya pelajar mendapat maklum balas pencapaian mereka berdasarkan pos yang dibuat dan memperoleh pengetahuan baru.
- vii. Netiquette perlu dipatuhi sepanjang masa forum berlangsung.

4.6 Penggredan

- i. Proses penggredan dan tatacara pengiraan perlu dimaklumkan kepada pelajar.
- ii. Gred adalah bergantung kepada jenis kursus yang ditawarkan.
- iii. Pelajar perlu mematuhi semua arahan tugasan bagi setiap topik.
- iv. Skala penggredan perlu dirujuk berdasarkan Kaedah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perkara Akademik) atau institusi yang menawarkan kursus tersebut.

4.7 Pengumuman Pencapaian Penamatan Kursus

- i. Pengumuman pencapaian kursus perlu dimaklumkan kepada pelajar sebaik sahaja kursus tamat.
- ii. Pelajar yang lulus boleh memohon sijil digital penamatan kursus beserta caj tambahan.

4.8 Penawaran Semula Kursus

- i. Pengumuman penawaran semula kursus perlu dibuat seawal mungkin sebelum kursus tamat.
- ii. Ini untuk membolehkan pelajar yang tercicir daripada kursus tersebut mendaftar kembali.
- iii. Mereka yang telah berjaya menamatkan kursus boleh juga dilantik sebagai moderator untuk membantu mewujudkan komuniti pelajar apabila kursus ditawarkan semula.

PEMINDAHAN KREDIT

5.0 Pemindahan Kredit

- i. Terdapat dua mekanisme pemindahan kredit. Mekanisme ini bergantung kepada kelompok kursus.
- ii. Mekanisme pertama ialah pemindahan kredit antara IPT Malaysia untuk kursus umum (sepunya). Ini bermakna sesuatu kursus MOOC yang ditawarkan oleh satu IPT Malaysia boleh dipertimbangkan untuk pemindahan kredit ke IPT yang lain.
- iii. Mekanisme kedua ialah pemindahan kredit untuk kursus-kursus MOOC yang lain (kursus tujahan, kursus sepanjang hayat/kemahiran) dan juga kursus-kursus yang diambil daripada platform MOOC antarabangsa yang lain seperti Coursera, edX, Iversity dan lain-lain.

5.1 Mekanisme I : Pemindahan kredit antara UA Malaysia

5.1.1 Jenis kursus

- i. Jenis kursus yang boleh dipertimbangkan untuk pemindahan kredit adalah kursus umum yang mempunyai kurikulum yang seragam untuk kesemua IPT Malaysia.
- ii. Contoh kursus umum adalah seperti Kursus Falsafah dan Isu Semasa, Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban, Kursus Keusahawanan dan Literasi ICT.

5.1.2 Pelajar

- i. Hanya pelajar yang berdaftar dengan IPT sahaja yang boleh dipertimbangkan untuk pemindahan kredit bagi kursus umum yang telah diambil tertakluk kepada kelulusan senat UPSI.
- ii. Pelajar yang mendaftar ini telah melepassi kelayakan kemasukan ke IPT.
- iii. Pelajar bukan IPT yang mengambil kursus ini tidak boleh dipertimbangkan untuk pemindahan kredit. Pemindahan kredit untuk pelajar ini perlu menggunakan mekanisme II (seksyen 5.3).

5.1.3 Hasil Pembelajaran Kursus (CLO)

- i. Hasil pembelajaran kursus (CLO) untuk MOOC UPSI mestalah sama dengan hasil pembelajaran kursus yang ditawarkan bagi kursus sepenuh masa.
- ii. Perbezaan antara MOOC UPSI dengan kursus sepenuh masa hanyalah pada proses penyampaian. CLO dan SLT untuk kedua-duanya mestalah sama dan pelajar akan memperoleh pengetahuan, kemahiran praktikal, nilai dan sikap profesionalisme yang diharapkan daripada kursus ini.

5.1.4 Reka Bentuk Kurikulum dan Penyampaian

- i. Reka bentuk kurikulum untuk MOOC UPSI mestalah sama dengan reka bentuk kurikulum kursus sepenuh masa.
- ii. Proses penyampaian melalui MOOC UPSI dengan penyampaian penuh masa adalah berbeza tetapi CLO dan SLT untuk kedua-duanya adalah sama.
- iii. Tenaga pengajar MOOC UPSI mestalah yang berkebolehan untuk memastikan bahawa kesemua pelajar yang mengikuti MOOC UPSI mencapai CLO yang ditetapkan.

5.1.5 Pentaksiran

- i. Pentaksiran yang digunakan untuk MOOC UPSI mestalah sama dengan pentaksiran yang lazimnya diguna pakai untuk kursus sepenuh masa.
- ii. Pentaksiran sumatif mestalah menilai bahawa pelajar boleh mempamerkan aspek kognitif, psikomotor dan afektif yang diharapkan daripada kursus tersebut.

5.1.6 Kelulusan pemindahan kredit

- i. Kelulusan pemindahan kredit untuk kursus umum ini tertakluk kepada kelulusan Senat UPSI.

5.2 Mekanisme II : Pemindahan kredit untuk kursus MOOC daripada platform antarabangsa

- i. Pemindahan kredit untuk kursus MOOC yang diambil daripada platform antarabangsa mesti mengikuti garis panduan yang ditetapkan oleh MQA.
- ii. MQA akan mengeluarkan garis panduan yang melibatkan pemindahan kredit untuk orang ramai (mengikut tatacara APEL) yang telah lulus mengikuti MOOC menerusi platform antarabangsa dan ingin memindahkan kreditnya ke IPT.
- iii. Walau bagaimanapun, mekanisme kedua ini tertakluk kepada kelulusan Senat UPSI.

GLOSARI

6.0 Glosari

Pembelajaran dalam talian

Suatu pembelajaran di mana 80-100% kandungan kursus disediakan dalam talian dan penyampaiannya sama ada secara segerak atau tak segerak.

Pembelajaran teradun

Suatu pembelajaran di mana 30-79% kandungan kursus disediakan dalam talian dan penyampaiannya sama ada secara segerak atau tak segerak.

Reka bentuk pengajaran

Satu pelan yang memandu proses instruksi mengikut satu rancangan yang sistematis berdasarkan prinsip yang tertentu.

Flipped Learning

Situasi di mana pembelajaran suatu kandungan disediakan kepada pelajar secara dalam talian sebelum sesuatu kelas/kuliah bermula. Dalam kelas/kuliah sebenar aktiviti PdP memfokus kepada aktiviti pemikiran aras tinggi dan tidak kepada pengajaran secara terus.

Tenaga Pengajar

Individu yang bertanggung jawab menyampaikan kursus tersebut.

Moderator

Individu yang membantu tenaga pengajar dalam memoderasi forum.

Landing Page

Laman utama sesuatu kursus yang memberi maklumat secara ringkas tentang kursus tersebut dan maklumat lain yang berkaitan seperti sinopsis, hasil pembelajaran, tatacara pengajaran dan juga maklumat tenaga pengajar.

Content page

Laman kandungan sesuatu kursus yang mengandungi bahan kursus termasuk topik, subtopik, pentaksiran dan aktiviti yang berkaitan.

Course Learning Outcome (CLO)

Hasil pembelajaran untuk sesuatu kursus di manai pada akhir kursus pelajar seharusnya memperoleh pengetahuan, kemahiran dan sikap seperti mana yang ditetapkan oleh CLO.

Pembangun kursus

Kumpulan yang bertanggungjawab untuk membangunkan kursus MOOC UPSI.

Subject Matter Expert (SME)

Pakar bidang dalam kursus yang dibangunkan bagi MOOC UPSI. Pakar bidang ini boleh terdiri daripada lantikan dalaman UPSI atau dari luar.

